

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama

Sidang Akademik 1999/2000

September 1999

HIS 224 - Institusi Kekeluargaan Islam

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI ENAM [6] SOALAN DI DALAM
DUA [2] HALAMAN.

Jawab **EMPAT [4]** soalan sahaja.

SEMUA soalan membawa markah yang sama

BAHAGIAN A

Jawab **DUA [2]** soalan sahaja.

1. Menurut ajaran Islam, perkahwinan tidak harus difahami sebagai hubungan fizikal antara suami dan isteri sahaja. Huraikan pandangan Islam tentang perkahwinan dari aspek-aspek berikut:
 - [a] Perkaitan yang rapat antara perkahwinan dengan sistem alam semesta.
 - [b] Perkahwinan adalah cara yang tabi'i untuk meneruskan *species* manusia di bumi.
 - [c] Perkahwinan mempertemukan/menyelaraskan antara naluri keakuan dan kemasyarakatan.
 2. Berikut adalah antara asas pembentukan keluarga bahagia menurut perspektif Islam:
 - [a] Kemampuan dari aspek-aspek harta benda, seksual dan sosial
 - [b] Saling reda meredai
 - [c] Tujuan yang baik
- Bincangkan.

.. /2

3. Untuk menjamin keharmonian serta kemantapan hidup berkeluarga, Islam menetapkan beberapa kewajipan tertentu ke atas suami dan isteri. Bincangkan tiga kewajipan berikut:
- [a] Mahar atau isikahwin
 - [b] Nafkah rumah tangga
 - [c] Ketaatan isteri kepada suami

BAHAGIAN B

Jawab **DUA** [2] soalan sahaja.

4. Huraikan keadaan wanita yang sah dijatuhkan talak.
5. (a) Imam Abu Hanifah dan Imam Ahmad bin Hanbal, masing-masing mempunyai pendapat tersendiri tentang talak. Bincangkan hukum talak menurut pendapat mereka berdua.

[75 markah]

- (b) Nyatakan pendapat Ibnu Sina tentang talak.

[25 markah]

6. Nyatakan hukum bagi perkara di bawah. Jawapan anda perlu diperkuuhkan dengan hujah-hujah Syar' iyyah.
- [a] Johan menceraikan isterinya yang sedang di dalam keadaan berdarah nifas.
 - [b] 'Aku ceraikan engkau dengan talak satu', kata Ahmad kepada isterinya semasa mereka sedang menjalani latihan sebuah drama moden.
 - [c] Hamid menceraikan isterinya dengan talak dua tanpa saksi, melainkan mereka berdua sahaja. Selepas itu, mereka bergaul seperti biasa tanpa merujuk kepada hakim Mahkamah Syariah.